



## **SOALAN-SOALAN LAZIM – BSN EcoSave-i**

No.	Soalan	Jawapan																									
1.	Apakah BSN EcoSave-i?	<p>BSN EcoSave-i ialah produk deposit Patuh Syariah yang mengaplikasikan konsep Tawarruq.</p> <p>Produk ini bertujuan untuk membina komitmen simpanan tetap terhadap sebarang perbelanjaan yang tidak dijangka seperti bencana alam - kehilangan / kerosakan harta kediaman akibat bencana banjir.</p>																									
2.	Siapakah yang layak untuk memohon BSN EcoSave-i?	<p>BSN EcoSave-i ini layak kepada semua Warganegara Malaysia berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas.</p> <p><b>Nota:</b> <i>Tiada had umur maksimum bagi pembukaan akaun BSN EcoSave-i.</i></p>																									
3.	Bagaimana saya ingin membuka akaun BSN EcoSave-i?	<p>Pelanggan dikehendaki membuat permohonan melalui kaunter di mana-mana cawangan BSN.</p> <p>Dokumen yang diperlukan untuk pembukaan akaun adalah dokumen pengenalan asal seperti kad pengenalan MyKad.</p>																									
4.	Berapakah jumlah deposit permulaan dan berapa kerap simpanan perlu dibuat ke dalam akaun?	<p>Deposit permulaan untuk membuka BSN EcoSave-i ialah RM100 dan minimum RM50 perlu dimasukkan ke dalam akaun simpanan setiap bulan sehingga tempoh matang.</p> <p><b>Nota:</b> <i>Deposit minimum adalah RM50 setiap peletakan dan sebarang penempatan di bawah RM50 dalam satu transaksi adalah tidak dibenarkan.</i></p>																									
5.	Bagaimanakah saya boleh membuat deposit ke dalam akaun?	<p>Anda boleh membuat deposit simpanan melalui kaunter di mana-mana cawangan BSN atau melalui pindahan (contohnya pindahan daripada akaun BSN yang lain, pindahan antara bank, DuitNow, dan lain-lain), atau dengan membuat Arahan Tetap. Anda dikehendaki membuat Arahan Tetap melalui cawangan BSN buat kali pertama.</p> <p><b>Nota:</b> <i>Apa-apapun peletakan deposit ke dalam akaun adalah tertakluk kepada amaun minimum RM50 bagi setiap transaksi. Sekiranya ada percubaan untuk membuat deposit di bawah amaun minimum, transaksi tersebut akan ditolak secara automatik.</i></p>																									
6.	Apakah baki minimum yang perlu dikekalkan dalam akaun?	RM10																									
7.	Apakah tempoh kontrak yang ditawarkan bagi BSN EcoSave-i?	Tempoh kontrak yang ditawarkan adalah tiga (3) dan lima (5) tahun.																									
8.	Apakah kekerapan bagi pengkreditan keuntungan?	Keuntungan akan dikreditkan ke dalam akaun pada setiap tahun iaitu pada tarikh ulang tahun (tarikh akaun dibuka).																									
9.	Bagaimanakah keuntungan dikira?	<p>Keuntungan dikira berdasarkan baki harian:</p> <p><b>Keuntungan</b> = Baki Harian x Kadar Keuntungan x bilangan hari / 365 atau 366 hari</p> <p><b>Ilustrasi untuk keuntungan diperoleh bagi tempoh 3 tahun:</b></p> <p><math>RM1,050 \times 2.0\% \times 31/365 = RM1.78</math> untuk bulan pertama</p> <p>Kaedah kiraan yang sama terpakai untuk setiap bulan dalam tahun tersebut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>TAHUN 1</th> <th>Bulan 1</th> <th>Bulan 2</th> <th>~</th> <th>Bulan 12</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Baki Simpanan pada 1hb</td> <td>1,000</td> <td>1,050</td> <td>...</td> <td>1,550</td> </tr> <tr> <td>Simpanan Bulanan</td> <td>50</td> <td>50</td> <td>...</td> <td>50</td> </tr> <tr> <td>Baki Akhir Bulan</td> <td>1,050</td> <td>1,100</td> <td>...</td> <td>1,600</td> </tr> <tr> <td>Perolehan Keuntungan Bulanan</td> <td>1.78</td> <td>1.81</td> <td>...</td> <td>2.45</td> </tr> </tbody> </table>	TAHUN 1	Bulan 1	Bulan 2	~	Bulan 12	Baki Simpanan pada 1hb	1,000	1,050	...	1,550	Simpanan Bulanan	50	50	...	50	Baki Akhir Bulan	1,050	1,100	...	1,600	Perolehan Keuntungan Bulanan	1.78	1.81	...	2.45
TAHUN 1	Bulan 1	Bulan 2	~	Bulan 12																							
Baki Simpanan pada 1hb	1,000	1,050	...	1,550																							
Simpanan Bulanan	50	50	...	50																							
Baki Akhir Bulan	1,050	1,100	...	1,600																							
Perolehan Keuntungan Bulanan	1.78	1.81	...	2.45																							

No.	Soalan	Jawapan												
		<p>Maka, keuntungan bagi Tahun 1 bersamaan jumlah perolehan 12 bulan:</p> <p>Keuntungan Tahun 1 = 1.78 + 1.81 + ..... + 2.45 Keuntungan Tahun 1 = <b>RM26.47</b></p>												
10.	Bolehkah saya melakukan pengeluaran dari akaun?	<p>Pelanggan dibenarkan membuat sebarang pengeluaran tertakluk kepada baki minimum yang dibenarkan.</p> <p>Namun begitu, Pelanggan digalakkan untuk menyimpan dalam akaun untuk memaksimumkan potensi simpanan.</p>												
11.	Bagaimanakah saya boleh membuat pengeluaran wang daripada akaun?	Anda boleh membuat pengeluaran wang melalui kaunter di mana-mana cawangan BSN atau di mana-mana kiosk Mesin Juruwang Automatik (ATM).												
12.	Bolehkah saya melakukan transaksi lain seperti pembayaran bil melalui akaun BSN EcoSave-i?	Anda <b>tidak boleh</b> membuat transaksi seperti pembayaran bil, pembelian Sijil Simpanan Premium (SSP), membuat peletakan BSN Term Deposit/i, atau membuat Arahan Tetap (SI) untuk pembayaran pinjaman/pembentangan melalui akaun BSN EcoSave-i.												
13.	Apa yang berlaku jika saya tidak membuat deposit simpanan bulanan?	<p>Kadar keuntungan yang ditawarkan akan ditukar kepada kadar keuntungan yang bersamaan dengan akaun simpanan normal contohnya kadar keuntungan BSN GIRO-i, sekiranya terdapat tunggakan dalam peletakan deposit bulanan untuk mana-mana tiga (3) bulan dalam tempoh 12 bulan, sama ada secara berturut atau tidak berturut-turut.</p> <p>Walau bagaimanapun, akaun tersebut masih kekal aktif dan kadar keuntungan akan bertukar kepada kadar keuntungan BSN EcoSave-i semula pada tarikh ulangtahun (tarikh akaun dibuka).</p>												
14.	Adakah kad debit boleh dimohon untuk BSN EcoSave-i?	Kad debit adalah tersedia dan boleh dimohon berdasarkan pilihan Pelanggan.												
15.	Di mana saya boleh melihat butiran akaun saya?	<p>Pelanggan yang mempunyai kad debit boleh mendaftar untuk kemudahan Perbankan Internet bagi menyemak baki, sejarah transaksi dan mendapatkan penyata akaun.</p> <p>Fungsi MyBSN yang lain termasuk pindahan dana adalah <b>tidak dibenarkan</b> untuk akaun ini.</p>												
16.	Apa yang berlaku setelah akaun matang?	<p>Setelah matang, akaun BSN EcoSave-i akan ditutup dan semua terma dan syarat BSN EcoSave-i akan terbatas.</p> <p>Bagi pelanggan yang tidak mempunyai akaun simpanan di BSN, pihak bank akan membuka akaun BSN GIRO-i atau mana-mana akaun deposit yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa bagi tujuan pemindahan baki akaun BSN EcoSave-i.</p> <p>Bagi pelanggan sudah mempunyai akaun BSN GIRO-i atau apa-apa akaun deposit BSN, semua baki di dalam akaun BSN EcoSave-i akan dipindahkan ke dalam akaun tersebut dan pelanggan akan tertakluk di bawah terma dan syarat bagi akaun BSN GIRO-i atau mana-mana akaun deposit yang terpakai.</p>												
17.	Adakah terdapat sebarang yuran / caj yang dikenakan untuk BSN EcoSave-i?	<p>Yuran / caj yang dikenakan ke atas akaun adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>No.</th> <th>Jenis Bayaran</th> <th>Keterangan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Penutupan Akaun 6 bulan dari pembukaan Akaun</td> <td>RM20</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Fi-fi berkenaan Kad Debit</td> <td>Fi-fi sedia ada ke atas Kad Debit</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Akaun Dorman</td> <td>Dikecualikan</td> </tr> </tbody> </table>	No.	Jenis Bayaran	Keterangan	1.	Penutupan Akaun 6 bulan dari pembukaan Akaun	RM20	2.	Fi-fi berkenaan Kad Debit	Fi-fi sedia ada ke atas Kad Debit	3.	Akaun Dorman	Dikecualikan
No.	Jenis Bayaran	Keterangan												
1.	Penutupan Akaun 6 bulan dari pembukaan Akaun	RM20												
2.	Fi-fi berkenaan Kad Debit	Fi-fi sedia ada ke atas Kad Debit												
3.	Akaun Dorman	Dikecualikan												

No.	Soalan	Jawapan														
18.	Apakah kelebihan lain bagi BSN EcoSave-i?	<p>Perlindungan Takaful (Pilihan) bagi bencana banjir seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>PERLINDUNGAN</th><th>Limit Setiap Individu (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kematian Akibat Kemalangan</td><td>25,000</td></tr> <tr> <td>Ganti Rugi Berganda untuk Kematian Akibat Banjir</td><td>50,000</td></tr> <tr> <td>Perbelanjaan Pengebumian Kematian Disebabkan Kemalangan</td><td>2,000</td></tr> <tr> <td>Elaun Kesulitan Akibat Banjir ke atas Tempat Kediaman</td><td>1,000 / tuntutan (max. 2 tuntutan)</td></tr> <tr> <td>Elaun Kesulitan ke atas Kenderaan Persendirian Disebabkan Banjir</td><td>1,000 / tuntutan (max. 2 tuntutan)</td></tr> <tr> <td>Elaun Kesulitan Akibat Kehilangan Motosikal Disebabkan Banjir</td><td>500</td></tr> </tbody> </table>	PERLINDUNGAN	Limit Setiap Individu (RM)	Kematian Akibat Kemalangan	25,000	Ganti Rugi Berganda untuk Kematian Akibat Banjir	50,000	Perbelanjaan Pengebumian Kematian Disebabkan Kemalangan	2,000	Elaun Kesulitan Akibat Banjir ke atas Tempat Kediaman	1,000 / tuntutan (max. 2 tuntutan)	Elaun Kesulitan ke atas Kenderaan Persendirian Disebabkan Banjir	1,000 / tuntutan (max. 2 tuntutan)	Elaun Kesulitan Akibat Kehilangan Motosikal Disebabkan Banjir	500
PERLINDUNGAN	Limit Setiap Individu (RM)															
Kematian Akibat Kemalangan	25,000															
Ganti Rugi Berganda untuk Kematian Akibat Banjir	50,000															
Perbelanjaan Pengebumian Kematian Disebabkan Kemalangan	2,000															
Elaun Kesulitan Akibat Banjir ke atas Tempat Kediaman	1,000 / tuntutan (max. 2 tuntutan)															
Elaun Kesulitan ke atas Kenderaan Persendirian Disebabkan Banjir	1,000 / tuntutan (max. 2 tuntutan)															
Elaun Kesulitan Akibat Kehilangan Motosikal Disebabkan Banjir	500															
19.	Bagaimanakah cara saya memohon untuk perlindungan Takaful?	Pelanggan boleh memohon Takaful semasa pembukaan akaun dan tertakluk kepada had umur dan persetujuan yang diberikan bagi permohonan perlindungan Takaful.														
20.	Berapakah had umur bagi perlindungan Takaful?	<p>Had Umur Perlindungan Takaful: 18 - 80 tahun. Kelayakan Umur bagi Permohonan Perlindungan Takaful : 18 - 79 tahun. <i>(Bagi permohonan Takaful pada umur 79 tahun, Pelanggan dibenarkan untuk perlindungan Takaful selama setahun sahaja)</i></p> <p><u>Ilustrasi bagi permohonan perlindungan Takaful:</u></p> <table border="1"> <tbody> <tr> <td>Tarikh Lahir Pelanggan</td><td>31 Okt 1946</td></tr> <tr> <td>Tarikh pembukaan akaun &amp; permohonan Takaful</td><td>1 Februari 2025</td></tr> <tr> <td>Umur semasa pembukaan Akaun &amp; permohonan Takaful</td><td>79 tahun dan 4 bulan</td></tr> <tr> <td>Layak untuk perlindungan Takaful?</td><td>Ya</td></tr> <tr> <td>Tempoh Perlindungan Takaful</td><td>1 Feb 2025 – 31 Jan 2026</td></tr> </tbody> </table>	Tarikh Lahir Pelanggan	31 Okt 1946	Tarikh pembukaan akaun & permohonan Takaful	1 Februari 2025	Umur semasa pembukaan Akaun & permohonan Takaful	79 tahun dan 4 bulan	Layak untuk perlindungan Takaful?	Ya	Tempoh Perlindungan Takaful	1 Feb 2025 – 31 Jan 2026				
Tarikh Lahir Pelanggan	31 Okt 1946															
Tarikh pembukaan akaun & permohonan Takaful	1 Februari 2025															
Umur semasa pembukaan Akaun & permohonan Takaful	79 tahun dan 4 bulan															
Layak untuk perlindungan Takaful?	Ya															
Tempoh Perlindungan Takaful	1 Feb 2025 – 31 Jan 2026															
21.	Adakah Pelanggan dibenarkan untuk mendaftar Takaful selepas dari tarikh pembukaan akaun?	Ya, Pelanggan dibenarkan mendaftar Takaful selepas daripada tarikh pembukaan akaun. Proses pendaftaran adalah melalui kaunter di mana-mana cawangan BSN sahaja.														
22.	Apakah Jumlah Caruman untuk Takaful dan bagaimana pembayaran dibuat?	<p>Sekiranya Pelanggan memilih untuk melanggan Perlindungan Takaful, Jumlah Caruman Takaful ialah RM60.00 setahun, termasuk cukai Perkhidmatan dan/atau apa-apa cukai yang diperkenalkan oleh pihak berkuasa berkaitan dengan apa-apa pembekalan barang dan/atau perkhidmatan.</p> <p>Bayaran Jumlah Caruman Takaful tersebut akan ditolak melalui platform Arahan Tetap (SI) sahaja dan tertakluk kepada tempoh kontrak akaun. Pelanggan perlu mengisi borang SI semasa pembukaan akaun.</p> <p>Potongan untuk tahun pertama akan ditolak daripada deposit permulaan, manakala tahun-tahun berikutnya adalah melalui baki yang ada dalam akaun. Pemotongan ini juga adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Kemudahan Arahan Tetap bagi Amaun Tetap.</p>														
23.	Adakah pembaharuan automatik terpakai untuk Perlindungan Takaful? Bolehkah sekiranya saya ingin membatalkan daripada pembaharuan automatik?	<p>Ya. Semasa pembukaan akaun, Pelanggan perlu memberikan kebenaran untuk pembaharuan automatik bagi perlindungan Takaful (tertakluk kepada tempoh kontrak).</p> <p>Pelanggan boleh membatalkan pembaharuan Takaful secara automatik melalui permohonan yang dibuat melalui kaunter di mana-mana cawangan BSN.</p>														
24.	Bagaimana jika baki tidak mencukupi dalam akaun untuk pembaharuan automatik Takaful?	Perlindungan Takaful akan ditamatkan secara automatik untuk baki tempoh kontrak simpanan tersebut.														

No.	Soalan	Jawapan
25.	Apakah platform yang disediakan untuk sebarang maklumat / pertanyaan berkaitan Perlindungan Takaful?	<p>Untuk sebarang maklumat tambahan mengenai Perlindungan Takaful, seperti manfaat yang disediakan atau proses tuntutan, Pelanggan boleh berhubung terus dengan syarikat Takaful seperti berikut:</p> <p><b>Customer Relationship Management Takaful IKHLAS</b>  <b>Tower 11A, IKHLAS Point, Avenue 5,</b>  <b>Bangsar South, No 8 Jalan Kerinchi,</b>  <b>59200 Kuala Lumpur.</b>  <b>Tel. : 03-2723 9696</b>  <b>Faks : 03-2723 9998</b>  <b>E-mel : <a href="mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my">ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my</a></b></p>
26.	Di mana boleh saya dapatkan Terma dan Syarat Produk?	Terma dan Syarat Produk boleh didapati dari laman web BSN <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a> .
27.	Apakah saluran yang disediakan sekiranya saya ingin mengetahui maklumat dengan lebih lanjut?	<p>Anda boleh mendapatkan maklumat daripada saluran-saluran berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Layari laman web BSN <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a>; atau</li> <li>2. Kunjungi mana-mana cawangan BSN berdekatan; atau</li> <li>3. Hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di 1300 88 1900 (Waktu Operasi : 8.00 pagi – 10.00 malam); atau</li> <li>4. <b>Hubungi IKHLAS CARE 03-2723 9696</b></li> </ol>